

PROGRAM KUTIPAN SAMPAH SAMBIL RIADAH (KUDAH) PERINGKAT INSTUN

26 November 2025, Tanjung Malim-INSTUN buat julung kalinya telah berjaya mengadakan Program Kutipan Sampah Sambil Riadah (KUDAH) pada tahun ini. Program ini dijalankan di sekitar kawasan INSTUN dengan penyertaan hampir 100 orang warga INSTUN dari pelbagai unit dan bahagian.

Dalam ucapan oleh Yang Berusaha Tuan Khairin Nazry , Pengarah INSTUN, beliau menzahirkan rasa terima kasih dan kepada komuniti INSTUN yang sudi meluangkan masa mengambil bahagian dalam program ini. seterusnya meningkatkan lagi kesedaran sivik, memupuk tanggungjawab bersama terhadap kebersihan persekitaran, serta menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah.

Kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua peserta telah berjaya memastikan kawasan INSTUN kekal berada dalam keadaan bersih, ceria dan teratur. Terima kasih kepada semua yang turut menjayakan program ini.



